# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
# RABU 17 MEI 2023

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br>3.<br>4.<br>5. | BERAS DIJAMIN CUKUP HARGA KEKAL RENDAH, BISNES, BH -39<br>JATI CIPTA REKOD MBOR SEMPENA ULANG TAHUN KE-30, BISNES, SH -29<br>MALAYSIA PLANS TO EXPORT RICE, NATION, SIN CHEW DAILY -6<br>GOVT PLANS TO EXPORT LOCALLY GROWN RICE, NEWS, GUANG MING DAILY -A6<br>MAFS OVERSEES LONG-TERM IMPACT OF HOT CLIMATE, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A5 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM) |
| 6.<br>7.<br><br>8. | 11 RABIESCASES, NINE DEATHS RECORDED, NEWS, THE SUN -4<br>S'WAK OWNERS URGED TO GET PETS VACCINATED FOR RABIES, NATION, THE STAR -11<br>59 MAUT AKIBAT RABIES DI SARAWAK, NEGARA, KOSMO -17 | JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS) |
| 9. | KERAJAAN BERI JAMINAN TIGA SEKTOR TIDAK TERJEJAS TERUK, NEGERI KEDAH, SH -24 | LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA) |
| 10. | LPP KENAL PASTI PESAWAH TERJEJAS AKIBAT KEMARAU, NASIONAL, BH -23 | LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP) |
| 11.<br>12.<br>13.<br>14. | MAHAL RM1 HINGGA RM6, LOKAL, HM -8<br>NEKAD TEBANG POKOK BENDI, LOKAL, HM -17<br>MUSANG KING TETAP RAJA DI CHINA, NEGARA, KOSMO -1 & 2<br>DURIAN KLON CHINA BUKAN ANCAMAN RAJA BUAH DARI RAUB, NEGARA, KOSMO -2 | LAIN-LAIN |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 17/5/2023 | BERITA HARIAN | BISNES | 39 |



*Azman bersama Pengarah Serba Wangi Sdn Bhd, Low Kok Kean (dua dari kiri) pada majlis sambutan ulang tahun ke-30 beras jenama JATI di Kuala Lumpur, semalam* (Foto Hazreen Mohamad/BH)

# Beras dijamin cukup, harga kekal rendah

Kerajaan pastikan bekalan sentiasa ada dalam negara, industri kekal berdaya saing

Oleh Nur Amira Mohd Hedzer
bhbiz@bh.com.my

**Kerajaan** akan terus memainkan peranan dalam memastikan bekalan beras negara sentiasa mencukupi selain harga jualan beras kekal rendah.

Ketua Pengarah Kawal Selia Padi dan Beras, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Azman Mahmood, berkata harga jualan beras di Malaysia masih rendah pada RM2.60 satu kilogram berbanding kebanyakan negara lain di Asia Tenggara.

Beliau berkata, berbanding negara lain, harga beras negara jauh lebih rendah berbanding Singapura pada RM6.70 satu kilogram, Brunei (RM5.80 satu kilogram), Thailand (RM3.60 satu kilogram), Vietnam (RM3.50 satu kilogram) dan Laos (RM5.03 satu kilogram).

Selain itu katanya, negara juga tidak pernah menghadapi krisis kekurangan bekalan beras walaupun ketika berhadapan dengan krisis COVID-19 beberapa tahun lalu.

"Pegawai Penguatkuasa Kawal Selia Padi dan Beras memainkan peranan yang penting dalam memastikan beras sentiasa berada di dalam negara dengan harga yang paling murah dalam pasaran serantau.

"Malah, kerajaan juga tidak pernah menaikkan harga beras di pasaran walaupun kos barangan lain meningkat," katanya selepas majlis sambutan ulang tahun ke-30 beras jenama JATI di Kuala Lumpur, semalam.

## Bantu pesawah

Mengulas lanjut, Azman berkata, peranan yang dimainkan oleh peserta industri beras negara juga membantu industri itu terus kekal berdaya saing termasuk kehidupan pesawah.

Beliau berkata, sebagai contoh beras jenama JATI yang dikeluarkan oleh Serba Wangi Sdn Bhd, menghasilkan 1.6 juta tan beras, sekali gus membantu 240,000 pesawah seluruh negara.

"Malaysia menggunakan sebanyak 2.4 juta tan setahun di mana seorang dewasa memerlukan sebanyak 79 kilogram beras setahun," katanya.

Sementara itu, Pengurus Besar Serba Wangi, Chua Ken Jin, berkata selepas tiga dekad berada di pasaran, JATI kini membuktikan kewibawaannya menerajui industri.

Beliau berkata, selain beras, syarikat juga telah beralih ke arah kepelbagaian barangan termasuk mengeluarkan tepung, bihun dan minuman bijirin yang menjadi bukti dedikasi syarikat untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan.

"Syarikat berharap agar dapat menjadi jenama global dengan pelbagai jenis produk lain bagi memenuhi keperluan orang ramai pada semua peringkat," katanya.

Ken Jin berkata, sempena ulang tahun ke-30 ini juga, JATI berjaya melakar kejayaan baharu dengan menempa nama di dalam Malaysia Book of Records.

Beliau berkata, JATI berjaya menghasilkan guni beras terberat di Malaysia seberat tiga tan sekali gus mengatasi rekod lampau iaitu 1.501 tan.

"Beras seberat tiga tan itu kemudian disumbangkan kepada golongan yang memerlukan seperti rumah kebajikan anak yatim dan pusat penjagaan warga emas.

"Kejayaan ini adalah satu penghormatan dan pengiktirafan yang amat membanggakan buat JATI," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/5/2023 | SINAR HARIAN | BISNES | 29 |

# Jati cipta rekod MBOR sempena ulang tahun ke-30

Berjaya hasilkan kandungan guni beras terberat tiga tan, padamkan rekod 1.501 tan sebelum ini

Oleh NORAFIZA JAAFAR
KUALA LUMPUR

Sambutan ulang tahun Jati ke-30 mencatat sejarah tersendiri apabila berjaya menempa nama dalam Malaysia Book of Records (MBOR) dengan menghasilkan guni beras terberat di Malaysia.



KEN JIN

Pengurus Besar Serba Wangi Sdn Bhd, Chua Ken Jin berkata, guni beras seberat tiga tan yang dihasilkan telah berjaya memadamkan rekod lama iaitu 1.501 tan.

"Beras seberat tiga tan itu kemudian akan disumbangkan kepada golongan memerlukan seperti rumah kebajikan anak yatim dan pusat penjagaan warga emas," katanya pada sambutan ulang tahun Jati ke-30 berlangsung di pusat beli-belah Lot 10 di sini pada Selasa.

Perasmiannya disempurnakan oleh Ketua Pengarah Kawal Selia Padi dan Beras, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS), Datuk Azman Mahmood.

Pelbagai acara diadakan pada sambutan itu, antaranya 30 arca hidangan disediakan penganjur dan pengunjung yang hadir boleh menyertai pertandingan tangkap dan menang dengan 303 set hadiah menarik ditawarkan.

Ken Jin berkata, Jati merupakan jenama daripada syarikat pengeluar, Serba Wangi Sdn Bhd yang telah berkembang menjadi salah satu produk terkemuka dan menjadi pilihan nombor satu kebanyakan keluarga di Malaysia.

"Kejayaan ini merupakan salah satu penghormatan dan pengiktirafan yang amat membanggakan buat Jati dan sudah tentu kejayaan ini tidak dapat dikecapi tanpa sokongan daripada pelanggan seluruh negara.

"Selepas tiga dekad berada di pasaran, Jati telah membuktikan kewibawaan menerajui industri dengan kepelbagaian barangan yang dihasilkan termasuk tepung, bihun, bijiran dan lain-lain.

"Ini menunjukkan dedikasi Jati dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan.

"Saya berharap agar Jati dapat menjadi jenama global dengan pelbagai jenis produk yang memenuhi keperluan orang ramai di semua peringkat masyarakat satu hari nanti," katanya.

FOTO: MOHD HALIM ABDUL WAHID




Azman (tiga dari kanan) pada Majlis Sambutan Ulang Tahun ke-30 Jati di Lot 10, Kuala Lumpur pada Selasa.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Malaysia plans to export rice | | |
| MediaTitle | Sin Chew Daily | | |
| Date | 17 May 2023 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 288,920 |
| Page No | 6 | Readership | 866,760 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 316 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 9,576 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 28,727 |






阿兹曼（左二）为本地大米品牌JATI的30周年庆主持开幕仪式。左一是沙菲益。右一起是蔡庆仁、蔡诗懋、刘子煦和刘国坚。（黄玲玲摄）

## 阿茲曼：東盟最便宜最佳

# 大馬計劃出口稻米

（吉隆坡16日讯）农业及粮食安全部稻田与稻米监管组主任拿督阿兹曼指出，大马生产的稻米可说是全东南亚最好的米，政府计划未来将本地生产的米出口至其他国家。

他指出，马来西亚不曾出口大米至外国的批发商，只是出口大米的副产品。

他也说，我国种植的米是东南亚国家之中最便宜的，每公斤为2令吉60仙。

他说，其他邻国的米价比我国来得高，新加坡的米每公斤为6令吉70仙、汶莱5令吉80仙、寮国5令吉零3仙、泰国3令吉60仙、越南3令吉50仙。

阿兹曼今日上午在马来西亚大米品牌JATI欢庆30年周年庆典上致词时，这么指出。

他指出，我国在2020年受冠病疫情重创，有史以来首次面对米粮危机，惟庆幸人们并没有面对断粮的情况，家里的大米依然充足。

阿兹曼表示，该组的执法员遍布全国各地，并会继续扮演重要角色与进行监督工作，确保市场上的米维持在合理价格。

### 大马人米饭食用量较低

此外，他提到，若与其他国家相比，大马人的米饭食用量较低，我国平均一人一年内可食用79公斤的米，惟印尼每人一年内就食用多达120公斤的米饭。

## 裝3噸米捐公益

# JATI最重米袋列大馬紀錄

马来西亚粮食有限公司（Serba Wangi）集团高级经理蔡庆仁指出，旗下的大米品牌JATI以可装下重达3吨米的最重米袋，在马来西亚纪录大全刷下新纪录。

他指出，这个可承载3吨重量的米袋，打破了之前可装1.501吨米的米袋的纪录，创造另一个里程碑。

这些3吨重的米将会捐赠给有需要的人士，包括孤儿院和老人院。

会上，马来西亚纪录大全副总经理（市场与活动）黄程运颁发证书给Serba Wangi有限公司，承认JATI的最重米袋列入大马纪录大全，证书由集团总经理刘国坚接领。

### 庆30周年<br>可与模型拍照赢奖

另外，马来西亚粮食公司今日举办30周年庆典，民众可从今日起至5月29日，在吉隆坡乐天广场（Lot 10）的Jati模型拍照，并参与赢奖比赛。

出席者包括农业及粮食安全部稻田与稻米监管组副主任沙菲益、Serba Wangi有限公司吉打区董事蔡诗懋、吉隆坡区董事刘子煦和马来西亚纪录大全有限公司助理经理谢钰滢。

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Govt plans to export locally grown rice | | |
| MediaTitle | Guang Ming Daily | | |
| Date | 17 May 2023 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 49,712 |
| Page No | A6 | Readership | 149,136 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 287 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 4,348 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 13,045 |





■阿兹曼（左二）为本地大米品牌JATI的30周年庆主持开幕仪式。左是沙菲益。右起是蔡庆仁、蔡诗懋、刘子煦和刘国坚。

## 東南亞最便宜
# 政府擬出口大馬稻米

（吉隆坡16日讯）农业及粮食安全部稻田与稻米监管组主任拿督阿兹曼指出，大马生产的稻米可说是全东南亚最好的米，政府计划未来将本地生产的米出口至其他国家。

"马来西亚不曾出口大米至外国的批发商，只是出口大米的副产品。"

阿兹曼今日上午在马来西亚大米品牌JATI欢庆30年周年庆典上致词时说，我国种植的米是东南亚国家之中最便宜的，每公斤为2令吉60仙。

他指出，其它邻国的米价比我国来得高，新加坡的米每公斤为6令吉70仙、汶莱5令吉80仙、老挝5令吉03仙、泰国3令吉60仙、越南3令吉50仙。

另外，他提到，我国在2020年受冠病疫情重创，有史以来首次面对米粮危机，惟庆幸人们并没有面对断粮的情况，家里的大米依然充足。

阿兹曼表示，该组的执法员遍布全国各地，并会继续扮演重要角色与进行监督工作，确保市场上的米维持在合理价格。

### 大马人米饭食用量低

此外，他提到，若与其他国家相比，大马人的米饭食用量较低，我国平均一人一年内可食用79公斤的米，惟印尼每人一年内就食用多达120公斤的米饭。

马来西亚粮食有限公司（Serba Wangi）集团高级经理蔡庆仁指出，旗下的大米品牌JATI以可装下重达3吨米的最重米袋，在马来西亚纪录大全刷下新纪录。

这些3吨重的米将会捐赠给有需要的人士，包括孤儿院和老人院。

会上，马来西亚纪录大全副总经理（市场与活动）黄程运颁发证书给Serba Wangi有限公司，承认JATI的最重米袋列入大马纪录大全，证书由集团总经理刘国坚接领。

另外，马来西亚粮食公司今日举办30周年庆典，民众可从今日起至5月29日，在吉隆坡乐天广场（Lot 10）的Jati模型拍照，并参与赢奖比赛。

出席者包括农业及粮食安全部稻田与稻米监管组副主任沙菲益、Serba Wangi有限公司吉打区董事蔡诗懋、吉隆坡区董事刘子煦和马来西亚纪录大全有限公司助理经理谢钰滢。(BPK)

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | MAFS oversees long-term impact of hot climate | | |
| MediaTitle | Nanyang Siang Pau | | |
| Date | 17 May 2023 | Color | Black/white |
| Section | National | Circulation | 27,667 |
| Page No | A5 | Readership | 83,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 81 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 614 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 1,841 |



# 炎热天虽助提高产量 农业部监督长期影响

（瓜拉雪兰莪16日讯）虽然炎热天气有助提高农作物产量，但这种情况的长期影响还有待确定。

联邦农业销售局代总监阿都拉昔说，据了解，炎热的天气将会持续数个月，而农业和粮食安全部还在监督这种情况。

他说，比起之前的长雨季导致供应量减少相比，近期每当大热天，农产品产量就会增加，因为得力于适宜的天气。

阿都拉昔在此间本查阿南出席Popsmalaya冰淇淋出口中国的仪式后，这么说。

联邦农业销售局主席阿米鲁丁主持仪式。

阿都拉昔说，黄瓜和番茄价格随着学校开课和餐饮店如常营业后，价格微升了。

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/5/2023 | THE SUN | NEWS | 4 |

# 11 rabies cases, nine deaths recorded

**KUCHING:** A total of 11 rabies cases among humans, including nine deaths, were reported in Sarawak from Jan 1 to May 15.

Health Director-General Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan said the total number of rabies cases among humans since an outbreak was declared in July 2017 was 66 cases, with 59 deaths.

He said of the 11 cases reported, four each were from the Sibu and Serian division, two cases from the Kuching division and one from Bintulu division.

Eight cases involved being bitten by a dog, two cases were linked to a bite or scratch by a cat, while the source of one case was undetermined.

Muhammad Radzi added that rabies is a disease of the nervous system caused by the rabies virus infection.

"The virus is found in the saliva of infected animals and can spread to humans through bites or during direct contact with the saliva of infected animals, either through wounds or scratches by domestic or stray cats.

"It can cause death if the infection spreads to the brain," he said.

He also advised the public to take preventive measures to avoid being infected.

"The wound must be washed immediately using running water and soap for at least 15 minutes and treatment sought at a health clinic or hospital."

Muhammad Radzi also said a total of 31 facilities have been equipped to provide animal bite treatment services, including the provision of anti-rabies shots. – Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/5/2023 | THE STAR | NATION | 11 |

# S'wak owners urged to get pets vaccinated for rabies

**PETALING JAYA:** With 11 cases of rabies in the state this year – nine of them fatal – dog owners in Sarawak have been told to ensure their pets are vaccinated against the disease.

The owners must also confine the dogs if there are signs of rabies and call the veterinary department immediately.

"If a person is bitten, they should cleanse the wound for 15 minutes and seek anti-rabies treatment at a hospital immediately," said Department of Veterinary Services Sarawak (DVSS) director Dr Adrian Susin Ambud.

He said dog owners should also obtain licences from the local council and ensure their pets are not allowed to wander around.

"Dog should also be neutered," he said, adding that DVSS provides free anti-rabies vaccinations at its offices.

Universiti Kebangsaan Malaysia's Prof Dr Sharifa Ezat Wan Puteh said dogs are the main source of rabies deaths and account for up to 99% of all rabies transmission to humans.

"It can be prevented through vaccination of dogs and by avoiding dog bites. Rabies is one of the neglected tropical diseases (NTD) that mostly affects marginalised, poor and vulnerable populations," she said.

Rabies is included in World Health Organisation 2021-2030 Roadmap for global control of neglected tropical diseases.

As a zoonotic disease, it requires close cross-sectoral coordination from the veterinary department, health providers (hospitals) and the environment," Dr Sharifa added.

Separately, Sarawak Minister of Food Industry, Commodity and Regional Development Datuk Seri Dr Stephen Rundi Utom told a press conference in Kuching yesterday that since the first outbreak in 2017, 366 rabid dog bites had been reported, with 300 patients surviving due to early treatment.

"Of the 66 deaths, 59 were due to delay or no treatment," he said, adding that 232,198 anti-rabies vaccinations had been administered as at May 8.

Dr Stephen said DVSS received an average of 250 animal bite notifications monthly, with all positive sampling cases this year within the rabies infection areas.

Sarawak's action plan also includes collaborating and communicating with its neighbours Sabah, Brunei and Indonesia to keep an eye on migration of animals across their borders.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/5/2023 | KOSMO | NEGARA | 17 |



ANJING sakit atau berkelakuan agresif perlu segera dibawa ke klinik haiwan kerana dikhuatiri dijangkiti virus rabies – GAMBAR HIASAN

# 59 maut akibat rabies di Sarawak

**PUTRAJAYA** – Sebanyak 11 kes rabies di Sarawak bagi tempoh 1 Januari hingga 15 Mei lalu dengan sembilan kematian direkodkan, sekali gus menjadikan jumlah kes itu dalam kalangan manusia di negeri itu mencecah 66 kes dengan 59 kematian dilaporkan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Muhammad Radzi Abu Hassan berkata, daripada 11 kes tahun ini, empat kes dilaporkan di Sibu, Serian (dua kes), Kuching (dua kes) dan satu kes di Bintulu membabitkan mangsa berusia lingkungan 6 hingga 63 tahun.

"Lapan kes yang dilaporkan itu mempunyai sejarah digigit anjing, dua kes digigit atau dicakar oleh kucing dan satu kes tidak diketahui sama ada sejarah digigit atau dicakar haiwan," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Menurutnya, sejumlah 31 buah fasiliti kesihatan awam di Sarawak telah dikenal pasti bagi menyediakan perkhidmatan rawatan gigitan haiwan termasuk pemberian vaksin antirabies.

Katanya, sembilan buah hospital turut memberikan perkhidmatan suntikan Rabies Immunoglobulin kepada kes-kes berisiko tinggi.

Rabies adalah penyakit sistem saraf yang disebabkan jangkitan virus rabies dan boleh menjangkiti manusia melalui gigitan atau semasa kontak langsung dengan air liur haiwan seperti anjing atau kucing yang telah dijangkiti.

Ia boleh menyebabkan kematian sekiranya jangkitan tersebut merebak ke otak.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/5/2023 | SINAR HARIAN | NEGERI KEDAH | 24 |

# Kerajaan beri jaminan tiga sektor tidak terjejas teruk

**SIK** - Kerajaan beri jaminan tiga sektor iaitu pertanian, industri dan domestik tidak terjejas teruk berikutan Monsun Barat Daya yang melanda negara bermula Isnin sehingga September depan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, ini kerana semua pihak telah menunjukkan usaha dan komitmen yang tinggi dalam menangani situasi berkenaan.

Katanya, dengan kerjasama Angkatan Tentera Malaysia (ATM), kerajaan akan melaksanakan aktiviti pembenihan awan berdasarkan keperluan dan lokasi.

"Jabatan Meteorologi Malaysia menjangkakan kadar luruan hujan berkurangan dan tiada tiupan angin yang membawa awan ke kawasan empangan," katanya ketika meninjau paras air Empangan Muda di sini pada Selasa.

Ahmad Zahid berkata, kerajaan juga bersiap siaga agar kekurangan air tidak akan menjejaskan sektor tanaman padi khususnya di Kedah.

"Saya dimaklumkan dua musim penanaman padi akan terus berjalan dan bekalan air untuk sawah akan dipastikan konsisten.

"Kita juga akan ada kerjasama dengan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) yang mempunyai takungan yang setakat ini mencukupi untuk kegunaan dalam keadaan tertentu bagi menyalurkan air melalui terowong sepanjang 6.8 kilometer (KM) dari Empangan Muda ke Empangan Pedu," katanya.

Menurut beliau, langkah-langkah berkenaan bukan sahaja akan dikoordinasikan bersama MADA tetapi turut melibatkan kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan (PBT) serta agensi lain yang menguruskan perkara itu.

"Begitu juga koordinasi untuk pembekalan air bagi penggunaan domestik. Koordinasi telah dilakukan dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) selain kerjasama dengan syarikat pembekal dan badan pengurusan air peringkat negeri," katanya.

Ahmad Zahid menambah, terdapat tujuh sumber air yang akan terjejas dalam tempoh monsun berkenaan dengan dua daripadanya di Kedah, empat lagi lokasi masing-masing dua di Perak dan Selangor serta satu di Sarawak.

"Jadi, kami mengambil langkah-langkah proaktif terutamanya di kawasan tanah gambut yang mengalami kebakaran terbuka.

"Kebakaran ini dijangka menyebabkan banyak kesan jangka pendek yang akan menjejaskan pengguna," katanya.



Ahmad Zahid (dua dari kanan) meninjau paras air Empangan Muda di Sik pada Selasa.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 17/5/2023 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 23 |



*Azulita menyampaikan sijil Anugerah Pertubuhan Peladang selepas merasmikan stesen minyak Petron milik PKK Chetok di Tanah Merah, semalam.*
(Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

# LPP kenal pasti pesawah terjejas akibat kemarau

**Tanah Merah:** Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) sedang mengumpul data bagi mengenal pasti jumlah sebenar pesawah di seluruh negara yang terjejas akibat musim kemarau dan mencari alternatif bagi menangani masalah berkenaan.

Ketua Pengarahnya, Datuk Azulita Salim, berkata pihaknya menerima aduan ada pesawah berdepan kesukaran untuk mendapatkan bekalan air bagi penanaman padi mereka.

Susulan itu, beliau berkata, LPP akan memantau keadaan ini dari semasa ke semasa, selain mencari penyelesaian segera bagi menangani sebarang masalah sekiranya musim kemarau berpanjangan.

Katanya, antara lain, pihaknya melakukan persediaan dengan mencari sumber air, termasuk membina telaga tiub, selain mengkaji penggunaan pam air.

"Secara logiknya jika musim kemarau berpanjangan, hasil tanaman juga akan berkurangan dan kita akan berusaha sebaik mungkin bagi meminimumkan kesan daripada musim kemarau.

"Sebagai contoh jika musim kemarau berpanjangan, jadual penanaman padi mungkin kita akan ubah," katanya pada sidang media selepas merasmikan stesen minyak Petron milik Pertubuhan Peladang Kawasan (PKK) Chetok di sini, semalam.

Azulita berkata, pihaknya juga terus memantau aktiviti pertanian lain yang dibimbangi terjejas susulan musim kemarau sekarang.

Beliau berkata, setakat ini cuaca panas tidak memberi kesan yang ketara kepada aktiviti pertanian terutama sayur-sayuran.

"Ini kerana musim kemarau masih baru dan kebanyakan penanam sayur menggunakan kaedah teknologi tertentu, termasuk fertigasi menyebabkan kesan keadaan cuaca masih boleh dibendung," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/5/2023 | HARIAN METRO | LOKAL | 8 |

Oleh Ali Iqbal
am@hmetro.com.my

BEKALAN SAYUR BERKURANGAN AKIBAT CUACA PANAS

# Mahal RM1 hingga RM6

**Batu Pahat**

Harga beberapa jenis sayur di sekitar daerah ini meningkat antara RM1 sehingga RM6 didorong kekurangan bekalan akibat cuaca panas sejak beberapa hari lalu.

Tinjauan di beberapa pasar raya, kedai runcit serta Pasar Awam Batu Pahat, semalam mendapati kacang buncis, sawi dan serai mengalami peningkatan paling ketara masing-masing antara RM2.50 hingga RM3 bagi sekilogram.

Turut mengalami peningkatan harga ialah cili merah dan kangkung. Manakala cili Thailand naik kepada RM18 berbanding RM14 sekilogram minggu lalu, peniaga tidak dimaklumkan punca kenaikannya.

Peniaga, Rohani Mat Zin, 53, berkata, kenaikan harga sayur bermula selepas Aidilfitri namun ia tidaklah setinggi seperti yang berlaku sejak beberapa hari lalu.

"Kalau sebelum ini, saya beli sawi harga RM4 sekilogram tapi sekarang naik kepada RM7 sekilogram. Serai pula daripada RM4 sekilogram sekarang menjadi RM6.50 sekilogram.

"Kangkung daripada RM3 naik kepada RM4 sekilogram, itu belum lagi cili merah/hijau daripada RM12 menjadi RM14 sekilogram.

"Tetapi, saya tidak tergamak untuk menaikkan harga jualan sebaliknya, saya terus mengekalkannya dengan mengecilkan saiz," katanya yang menjual sayur dengan harga RM2 seikat.

Seorang lagi peniaga, Rosli Hussin, 62, berkata, pemborong memberitahu kenaikan harga tidak dapat dielakkan disebabkan faktor cuaca.

"Saya memahami keadaan ketika ini sama juga seperti banjir baru-baru ini. Namun, saya tiada pilihan malah terpaksa membelinya walaupun mahal," katanya.

Katanya, walaupun naik harga, dia tetap menjualnya kerana tidak mahu pelanggan 'lari'.

"Saya ada pelanggan tetap, kadang-kadang mereka datang membeli pelbagai jenis sayur. Sawi antara sayur paling dicari ketika ini.

"Apa yang merisaukan ialah saya tidak tahu bila harga sayuran kembali normal. Bagi kami, jika beli harga terlalu mahal, banyak risiko terpaksa dihadapi," katanya yang berniaga lebih 10 tahun lalu.

Bagi Melah Yaakob, 53, dia mengambil keputusan untuk tidak menjual sayur terutama sawi kerana tidak mahu mengambil risiko.

"Dalam keadaan pengunjung makin berkurangan, saya rasa pilihan terbaik ialah tidak menjualnya. Jika harga kembali normal, saya akan mula menjual kembali seperti hari kebiasaan.

"Kadang-kadang apabila saya menjual harga lebih sedikit daripada kebiasaan, pelanggan tidak mahu membelinya. Mereka akan mencari sayur lain lebih murah sebagai ganti," katanya.

Sementara itu, tinjauan juga mendapati ada beberapa jenis sayuran lain yang mana harganya tidak berubah atau menurun seperti tomato, kacang panjang, timun, bayam dan lobak merah.



TINJAUAN di Pasar Besar Siti Khadijah mendapati bekalan ikan di Kelantan berkurangan menyebabkan harga meningkat lebih 10 peratus sejak pertengahan Ramadan lalu sehingga hari ini. Walaupun cuaca panas namun hasil tangkapan yang diperoleh oleh nelayan tidak banyak berikutan laut dipenuhi dengan obor-obor. - Gambar NSTP/NIK ABDULLAH NIK OMAR

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 17/5/2023 | HARIAN METRO | LOKAL | 17 |

# Nekad tebang pokok bendi

## *Petani kecewa dipermainkan pemborong tawar harga belian disifatkan terlalu rendah*

**Oleh Amir Abd Hamid**
amir_hamid@mediaprima.com.my

**Tangkak**

Kecewa dipermainkan pemborong yang menawarkan harga belian disifatkan terlalu rendah untuk hasil sayuran bendi dari kebunnya menyebabkan seorang petani nekad menebang semua pokok sayur itu.

Luahan kekecewaannya itu dapat dilihat menerusi perkongsian video di TikTok dengan rata-rata netizen bersimpati selain ada yang turut memberikan cadangan lain untuknya termasuk menjual bendi di dalam talian.

Muhd Rahimi Osman, 34, atau lebih mesra dipanggil Amy berkata, separuh daripada pokok bendi yang sedang mengeluarkan hasil di kebunnya seluas 0.809 hektar di Kampung Sialang, di sini, sudah pun ditebangnya.





MUHAMMAD Hafiz (gambar kecil) turut membantu Muhd Rahimi memusnahkan kebun bendi.

"Saya tebang sebab harganya jatuh terlalu murah sekitar 80 sen sahaja sekilogram seperti yang dikehendaki pemborong sedangkan di pasaran runcit kita tengok harganya tinggi.

"Mereka (pemborong atau orang tengah) di seluruh Tangkak seolah-olah mempermainkan petani dengan meletakkan harga sebegitu.

"Sebelum ini harganya antara RM5 hingga RM8 sekilogram. Jauh sangat berbeza. Saya difahamkan keadaan ini berlaku disebabkan lambakan sayur-sayuran yang diimport dari Thailand," katanya ketika dihubungi, semalam.

Menurutnya, harga murah itu langsung tidak berbaloi berbanding kos dikeluarkan untuk mengusahakan kebun sayur ketika ini.

Ini termasuk, katanya, baja yang mahal, kos bahan api dan upah kepada tenaga pekerja asing untuk penyelenggaraan kebun serta memetik hasil.

"Bendi kena petik apabila sampai masa sekitar 40 hari selepas ditanam supaya tidak rosak dan keras. Dalam sehari ratusan kilogram perlu dipetik.

"Katakanlah dapat petik hasil 100 kilogram didarab dengan 80 sen sekilogram, baru dapat RM80. Gaji untuk dua pekerja asing masing-masing setiap seorang RM80 dah jadi RM160 sehari untuk mereka.

"Jadi memang tak balik modal. Air untuk tanaman lagi, enjin pam, ubat, meracun dan sebagainya semua itu kos. Biasa harga tak teruk, paling rendah pun RM3 sekilogram," katanya.

> "Sebelum ini harganya antara RM5 hingga RM8 sekilogram. Jauh sangat berbeza
> *Muhd Rahimi*

Menurutnya, disebabkan geram, dia memusnahkan semua pokok bendi itu tetapi jika ada orang datang ke kebunnya ketika ini, dia berikan sayuran terbabit secara percuma.

Tetapi, katanya, setakat ini tidak ramai mahu hasil dari pokok bendi yang ditebang itu kemungkinan bimbang ia sudah diracun, cuma ada segelintir penduduk kampung mengambilnya.

Menurutnya, selepas dimusnahkan, tanah kebun itu perlu dibajak semula dan dia belum membuat keputusan untuk menggantikan dengan tanaman lain kerana bimbang terus menanggung kerugian.

Sementara itu, rakannya juga petani, Muhammad Hafiz Ali, 27, berkata, sayur lain juga diambil murah oleh pemborong.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/5/2023 | KOSMO | MUKA DEPAN | 1 |

# MUSANG KING TETAP RAJA DI CHINA



## Durian China tidak boleh tanding raja buah Malaysia, 230 tan musang king telah ditempah

Oleh NOOR HASLIZA NUSI dan ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN

**GEORGE TOWN** – Musang king kekal menjadi pilihan peminat durian di China meskipun negara itu akan mengeluarkan buah durian pertama dikenali sebagai Golden Pillow di atas tanah seluas lebih 2,000 hektar di Pulau Hainan pada Jun ini.

Dianggarkan 230 tan musang king telah ditempah untuk diterbangkan ke negara itu, sekali gus membuktikan raja buah Malaysia tetap diangkat sebagai buah premium paling eksklusif di abad ini.

Seorang pengusaha durian di Balik Pulau dikenali sebagai CK memberitahu, dia sedikit pun tidak gusar akan kemunculan buah klon dari China yang dilapor ditanam di atas tanah seluas Kuala Lumpur.

» BERSAMBUNG DI MUKA 2

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/5/2023 | KOSMO | NEGARA | 2 |

# Musang king tetap raja di China

DARI MUKA 1

Menurutnya, musang king hasil keluaran negara ini lebih bermutu dan dipercayai keenakannya dalam kalangan peminat durian seantero dunia terutama di China, Amerika Syarikat dan Hong Kong.

"China antara negara paling terawal membuat tempahan musang king untuk dieksport ke negara terbabit sebelum musim durian pertama luruh awal Mei lalu.

"Tahun ini sahaja, dianggarkan kira-kira 230 tan musang king yang dimuat dalam 23 kontena sudah ditempah untuk diterbang ke negara terbabit.

"Musang king Malaysia tetap jadi pilihan pertama 'kaki' durian jika hendak dibandingkan dengan Golden Pillow," katanya kepada *Kosmo!* semalam.

Mengikut laporan, China menyasarkan bekalan tahunan dari ladang durian Pulau Hainan antara 45,000 hingga 75,000 tan.

Mengulas mengenai buah keluaran dari Pulau Hainan itu, CK memberitahu, masih ramai yang belum mengetahui akan keluaran raja buah dari negara terbabit kecuali yang pernah berkunjung ke pulau berkenaan.

"Klon tak sama dengan musang king, memang berbeza. Kalau kita, gelarnya (Golden Pillow) seperti durian kampung. Ini baka dari Thailand, isinya seperti bantal dan kurang manis disebabkan cuaca yang tidak menentu termasuk bencana taufan.

"China sebuah negara yang besar dan mempunyai lebih 1.4 bilion penduduk. Sebuah pulau di sana belum tentu cukup untuk membekal edaran durian keluarannya. Disebabkan itu, mereka kekal mengimport durian dari Malaysia dan Thailand setiap tahun.

"Jadi, pengusaha durian tempatan di negara ini tidak perlu risau akan pasaran terjejas. Setiap tahun, musang king dari Balik Pulau antara yang menjadi pilihan mereka. Kalau boleh, semua gred mereka mahu tetapi kita hanya eksport gred A," ujarnya.

Bekalan durian musang king kebiasaannya akan diedarkan ke kedai-kedai membuat kek di China termasuk di pasar raya.

CK memberitahu, setakat ini dianggarkan lebih 1,000 tempahan durian diterima daripada pelanggan dari China dan Singapura selain penggemar buah itu di negara ini untuk di makan di dusun.

"Mereka dijadualkan turun ke Balik Pulau Jun ini untuk merasai sendiri keistimewaan durian segar yang jatuh dari pokok.

"Mereka mahu menikmati semua jenis durian seperti D24 sehinggalah ke premium seperti musang king, duri hitam, hor lor, kapri dan udang merah.

"Kebiasaannya mereka datang secara berkumpulan dengan diiringi pemandu pelancong. Pada musim kali ini, permintaan durian Balik Pulau memang sangat tinggi," ujarnya.

**Perbandingan durian Malaysia dan China**

**MUSANG KING**
- Isi padat
- Biji kecil
- Manis
- Pahit
- Berkrim dan susu
- Bentuk bulat
- Berat tidak lebih 3kg (sebiji)

**GOLDEN PILLOW**
- Isi tebal
- Kurang manis/tawar
- Berat antara 4kg hingga 5kg (sebiji)
- Bentuk bujur



SEBAHAGIAN besar musang king yang ditempah dan sedia untuk dieksport ke China.



ZAMRI menunjukkan durian musang king yang mula luruh di kebunnya di Raub baru-baru ini.

# Durian klon China bukan ancaman raja buah dari Raub

**RAUB** – Pengeluaran pertama durian di China yang bermula Jun ini tidak menjadi ancaman kepada pasaran musang king Raub yang menjadi 'kegilaan' peminat durian seluruh negara.

Pemilik Zamri Agro Farm, Zamri Othman berkata, keunikan musang king Raub yang mempunyai rasa lemak, manis, pahit dengan tekstur lembut, semememangnya terus menjadi rebutan peminat durian.

"Dari segi rasa dan kualiti memang tidak dapat menandingi durian musang king Raub, menyebabkan durian China tidak akan menjadi ancaman. Baru sahaja buah luruh, saya telah mendapat banyak permintaan dan tempahan.




KERATAN *Kosmo!* 15 Mei 2023.

"Kebiasaannya saya menjual purata 500 kilogram durian sehari di ladang sahaja dan ia tidak dapat menampung permintaan setiap tahun, apatah lagi menampung permintaan untuk dieksport," katanya kepada *Kosmo!*.

Menurutnya, meskipun China mengeluarkan durian, pasaran di negara yang besar itu belum cukup untuk menampung permintaan rakyat mereka sendiri.

Sementara itu, Pegawai Daerah Raub, Datuk Mohammad Shahid Ismail berkata, durian musang king Raub mempunyai kekuatan tersendiri dan setakat ini tiada laporan serta aduan mengenai masalah pemasaran raja buah berkenaan.

Beliau memberitahu, dengan cuaca yang baik sejak beberapa bulan tanpa ribut, buah musang king Raub dijangka lebih 'menjadi' musim ini.